

12/03/2002

Seri Paduka minta perbetul konsep jihad, mati syahid

Wan Hazmir Bakar; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mahu kekeliruan mengenai konsep jihad dan mati syahid, akibat tafsiran sempit oleh segelintir umat Islam di negara ini, diperbetulkan segera.

Seri Paduka bertitah, langkah itu perlu bagi memastikan konsep jihad, seperti yang dituntut agama, dapat membawa kemajuan kepada ummah dan negara secara lebih bermakna.

Baginda dukacita dengan kekeliruan mengenai jihad dan mati syahid di kalangan umat Islam akhir-akhir ini boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Titah baginda, segelintir anggota masyarakat lebih cenderung melihat jihad dalam batas yang sempit dan sering mengaitkan kalimah jihad itu dengan unsur berbentuk kekerasan, keganasan dan pertumpahan darah semata-mata.

"Beta menyeru seluruh rakyat supaya kembali kepada tuntutan jihad sebenar bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam segala aspek kehidupan untuk kebaikan kita di dunia dan akhirat," titahnya.

Seri Paduka bertitah demikian di istiadat pembukaan Penggal Keempat Majlis Parlimen ke-10 di Dewan Rakyat, hari ini. Ini adalah titah ucapan pertama Seri Paduka selepas dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 pada Disember lalu.

Turut berangkat ialah Raja Permaisuri Agong, Tengku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid. Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, jemaah menteri dan ketua perwakilan asing.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, kemunculan kumpulan pelampau berasaskan agama yang menggunakan keganasan untuk mencapai cita-cita mereka adalah perkembangan baru dalam senario keselamatan negara.

Sehubungan itu, baginda bertitah, langkah tegas sedang diambil oleh kerajaan untuk mengesan dan membanteras anasir yang mengancam keselamatan negara.

Yang di-Pertuan Agong menegaskan, Malaysia adalah sebuah negara Islam yang tidak sama sekali menjejaskan kehidupan rakyat berbilang kaum dan kebebasan beragama di negara ini, seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sebaliknya, seluruh rakyat berasa selamat dan aman daripada sebarang penindasan yang bertopengkan agama, sama ada sesama Islam atau di kalangan rakyat yang berlainan agama.

Baginda juga bertitah, serangan penganas di Amerika Syarikat pada September tahun lalu mengubah persekitaran politik dan ekonomi antarabangsa, terutamanya tanggapan masyarakat antarabangsa terhadap negara dan umat Islam.

"Pada masa yang sama, arus globalisasi sudah mencorakkan satu pola baru dalam perhubungan antarabangsa. Usaha akan ditingkatkan untuk memastikan kepentingan negara terus terpelihara," titah Baginda.

Seri Paduka bertitah, kerajaan akan terus mengambil langkah positif bagi memantapkan lagi benteng pertahanan negara menerusi penggubalan Dasar Pertahanan Negara yang lebih menyeluruh.

Kerajaan juga akan mempererat lagi hubungan pertahanan dua hala serta pelbagai hala selain mempertingkatkan diplomasi pertahanan. Di peringkat

antarabangsa, Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam misi pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Seri Paduka yakin segala usaha yang sudah dirancang dan dilaksanakan kerajaan untuk memajukan negara akan berjaya kerana rakyat sentiasa memberi kesetiaan dan ketaatan tidak berbelah bagi.

(END)